

# APO-CITALOPRAM TABLET

Citalopram Hydrobromide (20mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Citalopram
2. Bagaimana Apo-Citalopram berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Citalopram
4. Cara menggunakan Apo-Citalopram
5. Semasa menggunakan Apo-Citalopram
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Citalopram
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Apo-Citalopram

APO-CITALOPRAM adalah ubat preskripsi yang mengandungi bahan aktif *citalopram hydrobromide*. APO-CITALOPRAM digunakan untuk melegakan tanda-tanda kemurungan dan untuk mencegah kemunculan semula atau perulangan penyakit.. Rawatan dengan jenis ubat ini adalah yang paling selamat dan berkesan apabila anda dan doktor anda menjalinkan komunikasi yang baik berkenaan dengan perasaan anda.

Ubat ini juga boleh digunakan untuk rawatan gangguan panik dengan atau tanpa *agoraphobia* (perasaan takut kepada persekitaran sosial atau keadaan) dan gangguan obsesif kompulsif (OCD) juga.

## Bagaimana Apo-Citalopram berfungsi

APO-CITALOPRAM tergolong dalam kelas ubat yang digelar sebagai *selective serotonin reuptake inhibitor* (SSRI). Ia

berfungsi dengan meningkatkan jumlah bahan-bahan semula jadi tertentu di dalam otak yang diperlukan untuk mengekalkan keseimbangan mental.

## Sebelum mengambil Apo-Citalopram

### - Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alah kepada sebarang produk yang mengandungi citalopram, atau jika anda sedang menjalani rawatan dengan *monoamine oxidase inhibitor* (MAOI).

### - Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mula mengambil APO-CITALOPRAM, doktor anda perlu tahu:

- Apa-apa masalah perubatan lain yang anda mungkin mengalami termasuk penyakit jantung, sawan;
- Sebarang sejarah penyakit mania atau hipomania;
- Sama ada anda merancang untuk hamil, sedang hamil atau menyusu bayi;
- Menpunyai sejarah penyalahgunaan dadah atau pernah ada pemikiran membunuh diri;
- Kehadiran sebarang pendarahan atau gangguan pembekuan darah;
- Jika anda seorang pesakit kencing manis.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana preskripsi atau ubat over-the-kaunter. Citalopram tidak boleh digunakan dalam kombinasi dengan ubat-ubat yang berikut:

- *Monoamine oxidase inhibitor* (MAOI). Citalopram boleh

dimulakan 14 hari selepas menghentikan rawatan dengan *irreversible MAOI* dan sekurang-kurangnya satu hari selepas menghentikan rawatan dengan *reversible MAOI* (RIMA), *moclobemide*.

Sekurang-kurangnya 7 hari harus berlalu selepas menghentikan rawatan Citalopram sebelum memulakan MAOI atau RIMA.

- Ubat-ubat yang diketahui mempengaruhi fungsi platelet seperti antipsikotik atipikal dan *phenothiazines*, antidepresan *tricyclic, aspirin* dan ubat anti-radang bukan steroid (NSAID).

- *Metoprolol* (agen untuk menurunkan tekanan darah tinggi)

- *Cimetidine* (untuk merawat gangguan perut)

## Cara menggunakan Apo-Citalopram

### - Berapa banyak harus digunakan

#### *Antidepresan:*

APO-CITALOPRAM perlu diambil sebagai dos tunggal 20mg setiap hari.

Pencapaian tahap dos yang berkesan adalah berbeza untuk setiap orang. Oleh sebab itu, doktor mungkin meningkatkan dos anda secara beransur-ansur sehingga 60mg sehari semasa rawatan. Ia adalah sangat penting bahawa anda mengambil APO-CITALOPRAM tepat sepertimana yang diarahkan oleh doktor.

#### *Gangguan panik:*

Dos awal untuk gangguan panik harus bermula dari 10mg setiap hari dan meningkat secara beransur-ansur, sehingga 60mg setiap hari mengikut keperluan pesakit.

Jika keadaan ini tidak dikawal

selepas 3 bulan rawatan, berunding dengan doktor kerana anda mungkin memerlukan rawatan untuk tempoh yang berpanjangan.

#### **Gangguan obsesif kompulsif:**

Bagi orang dewasa, dos permulaan adalah 20mg, dan meningkat secara beransur-ansur sehingga 60mg setiap hari.

Untuk pesakit warga tua, dos yang disyorkan adalah 20mg, dan boleh ditingkat kepada maksimum 40mg setiap hari.

Kanak-kanak tidak digalakkan untuk mengambil ubat ini kerana keselamatan dan keberkesanan ubat ini belum dikenalpastikan untuk golongan ini.

#### **- Bila perlu digunakan**

APO-CITALOPRAM perlu diambil mengikut arahan doktor atau label yang dilampirkan dengan ubat ini. Telan tablet dengan air tanpa mengunyahnya.

#### **- Berapa lama perlu digunakan**

Jangan sekali-kali menambah atau mengurangkan dos APO-CITALOPRAM anda, atau kepada mereka di bawah jagaan anda melainkan jika diarah oleh doktor anda. Anda juga diingatkan supaya tidak berhenti mengambil ubat ini tanpa berunding dengan doktor terlebih dahulu.

#### **- Jika terlupa menggunakan**

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat, melainkan jika ia sudah hampir masa untuk dos seterusnya seperti yang telah dijadualkan. Untuk keadaan sebegini, abaikan dos yang terlepas. Jangan mengambil dos tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

#### **- Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)**

Hubungi doktor anda atau hospital jabatan kecemasan terdekat walaupun anda tidak rasa sebarang kesakitan atau ketidakselesaan.

Gejala-gejala dos berlebihan termasuk sifat ingin tidur (mengantuk), koma, ekspresi menjadi kaku, episod konvulsi *grand mal* (sawan umum), takikardia sinus (kadar jantung lebih cepat daripada biasa), ritme nodus yang berlaku sekali-sekala (ritma jantung), berpeluh Loya, muntah-muntah, sianosis (warna kulit bertukar menjadi biru), hiperventilasi

#### **Semasa menggunakan Apo-Citalopram**

##### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Citalopram.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

##### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Citalopram dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

#### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Ubat ini mungkin menyebabkan pemikiran membunuh diri dalam kanak-kanak dan remaja. Ubat antidepressan boleh meningkatkan risiko pemikiran dan tingkah laku membunuh diri dalam kanak-kanak dan remaja yang mempunyai gangguan depresi major dan gangguan psikiatri yang lain. Keluarga dan penjaga dinasihati untuk memerhati pesakit secara rapat dan berkomunikasi dengan doktor. Produk ini tidak disarankan untuk kegunaan kanak-kanak.

Elakkan tugas-tugas yang berpotensi berbahaya seperti memandu kereta atau mengendalikan mesin berbahaya sehingga anda yakin bahawa ubat-ubatan ini tidak menjaskan kecerdasan mental atau koordinasi fizikal anda.

Jika anda hamil dan mengambil citalopram, atau antidepresan lain, anda perlu berbincang dengan doktor mengenai risiko dan manfaat daripada pelbagai pilihan rawatan lain.

Ia adalah sangat penting bahawa anda TIDAK berhenti mengambil ubat-ubatan ini tanpa nasihat doktor.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan mengambil Citalopram biasanya bersifat ringan dan sementara saja. Kesan-kesan sampingan adalah paling menonjol pada dua minggu pertama permulaan rawatan. Kesan-kesan sampingan termasuk loya, mengantuk, mulut kering, berpeluh banyak dan ketaran. Walau bagaimanapun, jika anda rasa apa-apa ketidakselesaan selain daripada yang disenaraikan diatas, beritahu kepada doktor anda secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat

Pemantauan Kesan Advers Ubat  
Kebangsaan melalui No Tel: 03-  
78835550, atau laman web  
[portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers  
→ Reporting*)

102) NF, Croscarmellose Sodium  
NF, Magnesium Stearate NF,  
Hydroxyethyl Cellulose (Type 250  
L), NF, Polyethylene Glycol 8000,  
Titanium Dioxide dan Purified  
Water

### Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Citalopram

#### - Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-CITALOPRAM dan semua ubat-ubatan di tempat yang selamat, jauh dari kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang ditulis seperti di bekas.

Simpan APO-CITALOPRAM di bawah suhu 25° C.

#### - Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai baki ubat ini selepas berhenti mengambilnya atas arahan doktor atau ubat ini telah melepas tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi tentang langkah yang perlu diambil.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### - Nombor MAL

APO-CITALOPRAM 20mg tab  
(MAL08061582A)

### Pengilang

Apotex Inc – Etobicoke Site  
50 Steinway Boulevard  
Etobicoke, Ontario  
Canada M9W 6Y3

### Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

### Tarikh Kemaskini RiMUP

8/1/2015

### Nombor siri

BPFK(R4/1)241214/00086

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Tablet 20mg adalah berwarna putih, bentuk bujur dwicembung, bersalut filem, terukir 20 di satu permukaan dan perkataan APO pada permukaan yang lain.

#### - Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif: *Citalopram Hydrobromide*  
- Bahan tidak aktif: *Lactose Monohydrate(Spray dried) NF, Microcrystalline Cellulose (PH*